

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JSP 352 - Peranan Kuasa-kuasa Besar Di Asia Tenggara

Masa : [3 Jam]

Jawab DUA (2) SOALAN DI BAHAGIAN A dan mana-mana SATU (1) di BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

Jawab DUA soalan di Bahagian A.

1. Teori Imperialisme sepetimana yang diperkenalkan oleh Hobson, Hilferding, Bukharin dan Lenin menekankan bahawa imperialisme merupakan satu tahap perkembangan kapitalisme sedunia. Apakah bezanya teori imperialisme yang diutarakan oleh mereka dengan yang wujud pada masa ini?

(100 markah)

2. Sidney Lens menegaskan bahawa kompleks industri ketenteraan mengakibatkan "imperialisme dalaman" yakni satu keadaan di mana kepentingan politik angkatan tentera diutamakan. Adakah kenyataan Lens itu munasabah ?

(100 markah)

3. Gariskan kewujudan Perang Dingin dan kesannya terhadap negara-negara di rantau Asia Tenggara. Apakah alasan yang anda dapat kemukakan untuk mempertahankan hujah bahawa Perang Dingin serta kesannya terhadap Asia Tenggara sudah tamat.

(100 markah)

... 2/-

BAHAGIAN B

Jawab SATU soalan di Bahagian B.

4. Mengapakah konflik di Kambodia ditakrifkan sebagai satu penghalang kepada keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara ? Cadangkan cara-cara konflik tersebut dapat diselesaikan.

(100 markah)

5. Bolehkah anda mempertahankan kenyataan bahawa kawasan Asia Tenggara masih terancam kerana adanya kuasa-kuasa besar yang mempunyai cita-cita ingin menguasai negara-negara lain ?

(100 markah)

6. Mengapakah Negara Jepun tidak menyetujui pengunduran tentera Amerika Syarikat dari rantau Asia Tenggara? Bolehkah Negara Jepun mempertahankan kepentingannya dengan tidak mengharapkan bantuan Kerajaan Amerika Syarikat ?

(100 markah)

- oo000oo -